

02 AUG 1996
MIC-perhimpunan
MIC BERUSIA 50 TAHUN, SEDIA MENGHADAPI PERUBAHAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perwakilan ke perhimpunan agung ke-43 MIC esok dijangka meluluskan pindaan yang sudah lama ditunggu-tunggu terhadap perlembagaan parti bagi membolehkan mereka memilih sendiri presiden parti.

Keputusan itu merupakan tanda penting kerana MIC akan menyambut ulang tahun penubuhannya ke-50 esok.

Naib presiden MIC Datuk M. Mahalingam berkata sudah tiba masanya bagi perwakilan memilih presiden parti bagi mengambil alih tugas itu yang sebelum ini dibuat oleh anggota jawatankuasa cawangan.

"Perubahan ini selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti dan semua mengalu-alukan keputusan itu," katanya pada temubual di sini hari ini.

Dengan pindaan itu kelak, presiden parti akan dipilih bersama-sama timbalan presiden, tiga naib presiden dan 23 anggota CWC oleh para perwakilan pada perhimpunan tahun depan.

Perwakilan juga dijangka meluluskan satu lagi pindaan terhadap perlembagaan parti untuk mewujudkan anggota seumur hidup dengan yuran RM100. Langkah ini telahpun diamalkan oleh anggota komponen lain dalam Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan perhimpunan itu yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra. Seramai 3,000 pegawai dan anggota parti akan menghadiri perhimpunan dua hari itu.

Jamuan makan malam secara besar-besaran akan juga diadakan esok untuk merayakan ulang tahun ke-50 parti.

Mahalingam berkata MIC akan juga memberi penghargaan kepada 30 veteran parti kerana sumbangan mereka kepada parti.

Bagaimanapun, katanya, logo baru parti tidak akan dibuka kepada ramai esok.

Mahalingam, yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, berkata MIC telah melalui jalan yang jauh sejak penubuhannya setengah abad lepas.

"Orang yang terbabit dalam MIC ketika pembentukannya tentu tidak akan terbayangkan kemajuan yang dicapai oleh parti sebagaimana sekarang," katanya, sambil menegaskan bahawa MIC telah melalui banyak perubahan.

Katanya di bawah pimpinan Datuk Seri S. Samy Vellu, MIC mencapai kemajuan pesat dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

Antara kejayaan utamanya ialah Maika Holdings Berhad, badan pelaburan parti. Dalam bidang pendidikan, MIC menerusi Institut Maju dalam Pembangunan Pendidikan telah menubuhkan Kolej Tafe manakala sebuah kolej perubatan juga dalam perancangan.

"Kini lebih banyak profesional menyertai MIC manakala minat golongan muda untuk menjadi anggota parti semakin meningkat," katanya, sambil menyebut bahawa MIC kini tidak lagi dicap sebagai parti "baling kerusi".

"MIC kini sudah matang dan ini semua kerana wawasan presiden yang berpandangan jauh," katanya.

-- BERNAMA
ES AHH